

UTHM lancar Tabung Wira Lahad Datu

BATU PAHAT 4 April - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) tidak ketinggalan menubuhkan Tabung Wira Lahad Datu bagi membantu keluarga anggota keselamatan yang terkorban semasa pencerobohan penganas Sulu awal bulan lalu.

Naib Canselor UTHM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin berkata, selain menyumbang dari segi kewangan, penubuhan tabung tersebut sekali gus dapat menanam semangat nasionalisme dalam kalangan mahasiswa.

"Di mana sahaja tempat kita berada, bukan sahaja di Sabah, tetapi juga di Kedah atau Kelantan, mereka harus sedar di sinilah tanah tumpah darah kita dan tanah air yang harus dipertahankan daripada dijajah oleh orang luar.

"Saya sangat berharap dengan peristiwa yang terjadi sekarang ini dapat membuka mata generasi baharu untuk lebih menghargai tanah air, seterusnya akan turunkan semangat sayangkan negara itu kepada anak-anak dan cucu mereka," katanya selepas merasmikan Tabung Wira Lahad Datu di sini kelmarin.